

GARIS PANDUAN PENUBUHAN BADAN PELAJAR

Penubuhan badan pelajar MESTILAH berpandukan kepada AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2012 tatacara penubuhan badan pelajar.

1. Permohonan menubuhkan badan pelajar mestilah dipohon melalui aplikasi atas talian : e-com > new club application.
2. Pemohon perlu menyediakan kertas kerja penubuhan Badan Pelajar mengikut format berikut ;
 - a. Senarai nama jawatankuasa penaja.
 - b. Objektif penubuhan
 - c. Carta Organisasi
 - d. Logo persatuan
 - e. Moto persatuan
 - f. Perlembagaan persatuan
 - g. Cadangan nama penasihat
3. Objektif dan tujuan penubuhan perlulah memenuhi dan menyokong aspirasi negara dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan keanggotaannya terbuka kepada pelajar berbilang kaum dan mendukung semangat hormat menghormati, kasih sayang dan kebahagiaan.
4. Penubuhan Badan Pelajar perlu berlandaskan kepada 8 Teras Pembangunan Kokurikulum.
5. Jumlah minimum bagi Jawatankuasa Penaja sesebuah badan pelajar baharu ialah seramai 10 orang dan berbilang kaum. (Seperti termaktub dalam AUKU).
6. Keahlian bagi sesebuah badan pelajar adalah seperti berikut :-
 - a. Persatuan Fakulti/Perwakilan Kolej Kediaman, keahlian adalah secara automatik bagi pelajar berdaftar yang mengikut kursus di Fakulti/Perwakilan Kolej Kediaman berkenaan sahaja.
 - b. Selain Persatuan Fakulti/Perwakilan Kolej Kediaman, keahlian adalah melalui permohonan kepada Badan Pelajar tersebut.
 - c. Setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu (1) Badan Pelajar lain selain daripada Persatuan Fakulti/Perwakilan Kolej Kediaman yang disertai mereka.
7. Permohonan yang lengkap perlulah dihantar kepada Unit Aktiviti & Badan Pelajar bagi sesi pembentangan.
8. Kelulusan penubuhan sesebuah badan pelajar adalah tertakluk kepada sokongan TNC, HEPA dan kelulusan Naib Canselor.
9. Setelah mendapat kelulusan, Badan Pelajar mestilah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) bagi pelantikan Ahli Jawatankuasa Kelab/Sekretariat.